

NUS lancar buku panduan syariah

► **NORMAN SAWI**
normans@sph.com.sg

BUKU tentang undang-undang syariah yang bertujuan menjadi panduan bagi pengamalannya di Singapura telah dilancarkan oleh Universiti Nasional Singapura (NUS) semalam.

Berjudul *Navigating Muslim Law in Singapore*, buku panduan yang ditulis dalam bahasa Inggeris itu didasarkan kepada pelajar undang-undang, peguam dan pihak lain yang berminat terhadap amalan hukum Islam.

Ia dihasilkan sekumpulan 16 mahasiswa Fakulti Undang-Undang NUS dengan bimbingan ahli fakulti dan pengamal undang-undang setempat.

Selaras dengan pelancaran buku itu, NUS juga menganjurkan Forum Hukum Syariah buat julung-julung kalinya semalam, bagi memberi pencerahan tentang peranan syariah dalam rangka kerja undang-undang Singapura.

Berucap kepada 170 peserta yang hadir, tetamu terhormat forum, Speaker Parlimen, Cik Halimah Yacob, berkata pendirian pemerintah Singapura yang memburu kejayaan berasaskan sistem meritokrasi, dan usahanya memelihara kepentingan kaum dan agama minoriti telah menentukan kejayaan Singapura selama ini.

“Pendirian pemerintah konsisten. Setiap warga boleh mengamalkan budaya dan agama dengan cara yang selamat, bertanggungjawab dan mementingkan keberadaan masyarakat,” ujar Cik Halimah.

Tambahnya, Singapura mempunyai pendekatan unik dalam pentadbiran hukum Islam, dengan mengadakan sistem yang memelihara hak Melayu dan Muslim, sementara menjamin hak bagi semua minoriti – se-

suatu yang membenarkan Singapura mengelak daripada melemahkan proses meritokrasi.

“Kewujudan hukum Islam, sebagaimana diperuntuk oleh Akta Pentadbiran Hukum Islam (Amla) dan dikendalikan oleh Mahkamah Syariah, berfungsi sebagai bahagian utama dalam landskap keseluruhan bagi keseimbangan kaum, agama, yang membenarkan penduduk Muslim di Singapura mengamalkan kepercayaan teras agama mereka – patuh kepada syariah,” kata beliau.

Dalam ucapannya, Naib Dekan Fakulti Undang-Undang NUS, Profesor Madya David Tan, berkata topik syariah amat penting tetapi ia tidak selalu diperbincang.

Forum itu juga diadakan pada saat penting, selaras dengan perkembangan dalam masyarakat, seperti proses perundingan awam tentang rang pindaan undang-undang Amla yang berakhir bulan lalu, tambah beliau.

Turut berucap di forum itu ialah Pengarah (Dasar dan Pembangunan Agama) Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), Dr Nazirudin Mohd Nasir, yang memberi penerangan berkenaan sejarah syariah; peguam Cik Halijah Mohamad, yang bercakap tentang hukum Islam bagi keluarga di Singapura; dan peguam Encik Ahmad Nizam, yang memberi perincian tentang sistem mahkamah syariah di Singapura.

Ucapan oleh pengamal undang-undang di Singapura itu disusuli dengan perbincangan panel tertutup berkenaan masa depan syariah di Singapura.

Buku panduan itu tidak dijual tetapi boleh diperolehi di Perpustakaan Undang-Undang C J Koh di Kampus NUS di Bukit Timah, Perpustakaan Negara, masjid dan pusat khidmat sosial mulai bulan depan.

Versi elektronik akan juga diadakan.



PANDUAN UNTUK SEMUA: Speaker Parlimen, Cik Halimah Yacob (*tengah*), merasmikan pelancaran buku panduan amalan syariah di Singapura berjudul *Navigating Muslim Law in Singapore*. Buku itu adalah hasil usaha 16 mahasiswa undang-undang Universiti Nasional Singapura yang turut menganjurkan Forum Hukum Syariah. Bersama Cik Halimah ialah dua penulis buku dan penganjur forum, Cik Sheiffa Safi Shirbeeni (*kiri*) dan Encik Prabu Devaraj. – Foto JOHARI RAHMAT

Mahasiswa bukan Islam turut sumbang penulisan buku

PROSES kajian dan perancangan selama 11 bulan berakhir dengan pelancaran buku panduan dan forum sulung berkenaan peranan syariah di Singapura, di Universiti Nasional Singapura (NUS), semalam.

Bagi pengarah jawatankuasa penganjur Forum Undang-Undang Syariah, Cik Sheiffa Safi Shirbeeni, proses itu juga telah memberi manfaat mendalam kepada beliau dan teman-temannya.

Bahkan, seramai 14 daripada 16 mahasiswa Fakulti Undang-Undang NUS yang terlibat dalam penulisan buku panduan hukum Islam dan penganjur forum itu bukan beragama Islam, kata Cik Sheiffa.

“Pasukan kami dibentuk sekumpulan individu.

“Kebanyakan anggota kumpulan ini bukan beragama Islam... jadi kami memulakan proses daripada peringkat asas, termasuk belajar tentang syariah. Sebab itulah kami mengambil masa yang agak lama (untuk menyelesaikannya).

“Banyak yang kami pelajari daripada pengalaman ini, terutama berkenaan hukum Islam,” kata Cik Sheiffa, 22 tahun, mahasiswa tahun kedua di Fakulti Undang-Undang itu.

Menurut Cik Sheiffa, idea mengadakan forum itu tercetus selepas beliau melibatkan diri dalam projek ‘Rakan Mahkamah Syariah’ – skim sukarela yang dianjurkan Mahkamah Syariah dan Kumpulan Pro Bono NUS.

“Saya sedar ada banyak perkara yang boleh kita pel-

ajari daripada undang-undang syariah.

“Lantaran itu, kami menganjurkan forum ini sebagai wadah untuk belajar tentang syariah – memperbetul salah tanggapan dan menggalakkan perbincangan berkenaan hukum Islam.

“Kami juga membukanya kepada awam dan bukan hanya untuk peguam atau pelajar undang-undang kerana kami percaya setiap individu boleh meraih manfaat pemahaman lebih baik berkenaan syariah dan bagaimana ia diamalkan di Singapura,” kata Cik Sheiffa.

Sejumlah 170 peserta menghadiri forum yang diadakan di Fakulti Undang-Undang NUS di Bukit Timah itu.

Setiap peserta juga diberikan senaskhah buku panduan

hukum Islam berjudul *Navigating Muslim Law in Singapore*.

Sejumlah 500 naskhah buku telah dicetak, dan akan diedarkan percuma di Perpustakaan Negara, masjid dan pusat khidmat sosial bulan depan.

Salah seorang penasihat yang membantu dalam penghasilan buku itu, peguam Encik Ahmad Nizam, berkata buku itu mudah dibawa ke mana-mana dan adalah sumber rujukan yang mudah dibaca bukan sahaja bagi pengamal undang-undang malah pihak awam.

“Ia memberi gambaran pertama tentang amalan syariah di Singapura, dari segi keluarga, perkahwinan, perceraian dan warisan,” ujar Encik Ahmad Nizam, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Amalan Hukum Islam.